

17 JANUARI 2018

Dadah dalam bungkus minuman

Dadah dalam bungkus minuman

Taktik licik seorang lelaki kaburi pihak polis edar *methamphetamine* gagal

ERMA YUSNIDA JUSOH

KUANTAN - Sekali pandang, tiada siapa menyangka bungkus minuman berperisa itu sebenarnya mengandungi dadah apatah lagi ia lengkap mempunyai jenama Banly, logo halal dan alamat pengilang.

Malah mempunyai empat 'perisa' iaitu strawberi, nanas, anggur dan oren.

Semua itu adalah taktik licik yang berjaya dikesan pasukan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kontinjen Pahang apabila menahan seorang lelaki berusia 38 tahun pada Jumaat lalu kira-kira jam 4.30 pagi.

Timbalan Ketua Polis Pahang, Datuk Jamaluddin Kudin berkata, suspek ditahan di sebuah lorong di Taman Pertama dekat Jalan Haji Ahmad.

Menurutnya, hasil pemeriksaan ke atas suspek, pihak polis berjaya merampas satu kotak mengandungi serbuk *methamphetamine* seberat 1660.8 gram, syabu seberat 101.8 gram dan pil erimin 5 sebanyak 500 biji seberat 140.6 gram dengan anggaran nilai keseluruhan RM64,500.



Jamaluddin menunjukkan serbuk *methamphetamine* yang dibungkus dalam bungkus minuman berperisa untuk mengaburi mata orang awam dan pihak berkuasa.



Sebahagian dadah yang berjaya dirampas pasukan JSJN Kontinjen Pahang pada Jumaat lalu.

INFO
 • Bungkus jenama Banly, ada logo halal dan alamat pengilang

• Mempunyai empat perisa, iaitu strawberi, nanas, anggur dan oren

"Serbuk *methamphetamine* sebanyak 200 paket yang bernilai RM50,000 dibungkus di dalam

bungkus minuman berperisa digunakan sebagai modus operandi bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

"Mereka guna kaedah ini bagi tujuan untuk memudahkan mereka memasarkan dadah kepada pelanggan," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang, semalam.

Hadir sama, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kontinjen Pahang, Superintenden Lam Thiam

Huat.

Jamaluddin berkata, pada kebiasaannya, satu paket dadah itu dijual dengan harga RM250 sepaket dan boleh digunakan oleh tiga orang penagih.

"Bagi dadah jenis syabu pula, ia dijual pada harga RM50 sepaket dan pil erimin 5 RM15 sebiji malah sasaran jualan adalah di pusat-pusat hiburan di sekitar Kuantan," katanya.

Beliau berkata, hasil saringan

ujian awal air kencing mendapati suspek positif *methamphetamine* selain mempunyai 14 rekod jenayah lampau dengan 12 daripadanya berkaitan kes dadah manakala dua lagi kes berkaitan kes jenayah.

Kes disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya dan Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Suspek kini ditahan reman selama seminggu sehingga Jumaat bagi siasatan lanjut," katanya.